ULANGKAJI BAB 5 HINGGA BAB 8

Tulis jawapan di dalam kotak yang disediakan

1 Maklumat berikut berkaitan dengan gelaran jawatan yang digunakan oleh perwakilan negara.

Pesuruhjaya Tinggi

Apakah negara yang terlibat dalam penggunaan gelaran tersebut?

A Singapura
B Thailand
C Vietnam
D Jepun

Buku Teks ms.91

2 Tokoh berikut pernah mengemukakan idea berkaitan dengan gagasan Malaysia.



Sir Malcolm MacDonald

Apakah alasan yang diberikan oleh beliau terhadap cadangan tersebut?

I Membentuk entiti politik dan ekonomi
II Melaksanakan dekolonisasi
III Menghalang Melayu Raya
IV Memajukan pendidikan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3 Maklumat berikut merupakan salah seorang pemimpin yang pada mulanya menentang pembentukan Malaysia di Sabah.

Fuad Stephens

Apakah parti politik yang dipimpin oleh tokoh tersebut?

A Pasok Momogun
B Borneo Utara National Party (BUNAP)
C United Sabah National Organization (USNO)
D The United National Kadazan Organization (UNKO)

Buku Teks ms.96

4 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Sarawak.

Tarikh	Peristiwa
September 1966	Pengisytiharaan darurat di Sarawak

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

A Krisis politik
B Rusuhan kaum
C Ancaman komunis
D Pemisahan Singapura

Buku Teks ms.118

5 Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum di Singapura pada 21 Julai 1964?

A Tuntutan persamaan hak bagi semua kaum
B Tuntutan pemisahan dengan Tanah Melayu
C Tuntutan menyegerakan pembukaan pasaran bersama
D Tuntutan mengurangkan kadar faedah pinjaman kewangan

Buku Teks ms.119

6 Apakah peristiwa yang membawa kepada bermulanya kewujudan gerakan komunis di Sarawak?

A Penubuhan Pentadbiran Tentera BMA
B Pemisahan Malaysia – Singapura
C Pendudukan British
D Pendudukan Jepun

Buku Teks ms.121

LIVEWORKSHEETS

7 Laporan Rahman Talib telah dilaksanakan pada tahun 1960.
Apakah kandungan laporan tersebut?

I Menyamakan kurikulum
II Melaksanakan sekolah aneka jurusan
III Menggabungkan semua kaum di sekolah kebangsaan
IV Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks ms.145

8 Maklumat berikut berkaitan dengan akta yang telah diperkenalkan di Malaysia.

Akta 32

- Akta ini telah diperkenalkan pada tahun 1967.
- Akta ini telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Apakah isu yang ditekankan dalam akta tersebut?

A Perpaduan kaum
B Penguasaan bahasa kebangsaan
C Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka
D Pengamalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan

9 Apakah aspek yang diberikan perhatian oleh pentadbiran British di negara kita?

A Aspek sosial
B Aspek ekonomi
C Aspek keagamaan
D Aspek kebudayaan

Buku Teks ms.141

10 Maklumat berikut berkaitan dengan kejayaan yang dicapai oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Mengurangkan kadar kemiskinan di negara kita pada tahun 1970.

Berapakah kadar kemiskinan negara pada masa tersebut?

A 55 peratus
B 52.4 peratus
C 49.8 peratus
D 49.3 peratus

Buku Teks ms.180

11 Penyusunan semula masyarakat dilaksanakan melalui pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).
Apakah perkara Perlembagaan Persekutuan yang mempunyai kaitan dengan tindakan tersebut?

A Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan
B Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan
C Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan
D Perkara 166 Perlembagaan PersekutuanBuku

Buku Teks ms.177

12 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di negara kita.
Antara berikut, yang manakah iktibar yang diperoleh daripada pelaksanaan dasar tersebut?

I Gigih dalam tindakan
II Berani menghadapi cabaran
III Toleransi sesama masyarakat
IV Berwaspada terhadap anasir luar

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks ms.180

LIVEWORKSHEETS